

## **Syaikh Muhammad bin <sup>c</sup>Abd Al-Wahhab dan Kaitannya dengan Isu Takfir**

Engku Ibrahim Engku Wok Zin  
Abdul Rahman Mahmod  
Syed Hadzrullathfi Syed Omar

### **Abstrak**

Muhammad Abd al-Wahhab, iaitu tokoh reformis Islam yang mengasaskan Gerakan Wahabi di Semenanjung Tanah Arab pada pertengahan kurun 19 Masehi, sering dikaitkan dengan sikap melampau dalam isu takfir. Walau bagaimanapun, sejauh manakah keabsahan dakwaan tersebut terhadap beliau masih menjadi suatu polemik yang belum selesai. Artikel ini cuba mengetengahkan isu takfir yang dikaitkan dengan Muhammad Abd al-Wahhab untuk mengenal pasti sejauh mana kebenaran pandangan tersebut dan ia boleh dipertanggungjawabkan. Kajian kualitatif ini menggunakan pelbagai sumber primer dan sekunder bagi menganalisis kandungan isu kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati dakwaan sikap melampau Muhammad Abd al-Wahhab mentakfirkan segolongan para ulama yang tidak sehaluan dengan pemikiran akidah beliau adalah sukar untuk dinafikan. Ini adalah kerana kebanyakan kenyataan beliau dalam isu takfir disorot daripada pelbagai karya dan risalah tulisan beliau sendiri. Kajian juga turut merumuskan bahawa pemikiran takfir ditonjolkan beliau adalah suatu perkara kontradik dengan gagasan metodologi pemikiran Islam yang sentiasa menyeru kepada kesatuan umat, sikap bertolak ansur dan kesederhanaan dalam perkara ijtihad. Oleh itu, aliran pemikiran beliau adalah tidak sesuai untuk dipraktikkan dalam masyarakat kontemporari kini.

Kata kunci: Muhammad Abd al-Wahhab, Gerakan Wahabi, takfir, syirik, bidaah

### **Abstract**

*Muhammad Abd al-Wahhab, a conservative theologian and ideologue of the Wahhabi movement in the Arabian Peninsula in the early nineteenth century, is often associated with extreme attitudes on the issue of takfir (disbelieve). However, the validity of the allegation against him is still regarded as a polemic that has not been settled. This article attempts*

*to highlight the issue of takfir related to Muhammad Abd al-Wahhab to identify the truth of the allegations and it's accountability. This qualitative study uses a variety of primary and secondary sources to analyze the the issue. The results showed that the attitude of takfir (disbelieve) related to Muhammad Abd al-Wahhab against some of the Islamic scholars who were being contrary to his believe, would be difficult to deny. This is because most of his statement regarded to the issue derived originally from various his own treatises and books. The study also concluded that his thought on the issue is obviously contrary to the Islamic point of views which is always call for unity of Muslims, tolerance and moderation in what ever matter concerning ijthad (independent reasoning). Thus, it is believed that the flow of his thought is not practicable to Islamic contemporary society today.*

*Keywords: Muhammad Abd al-Wahhab, Wahhabi movement, takfir, shirk, bid'ah*

---

## **Pendahuluan**

Muhammad bin Abd al-Wahhab (Muhammad) (1115-1206H/1701-1793M) adalah seorang tokoh reformis Islam yang mengasaskan gerakan Wahabi di Semenanjung Tanah Arab pada pertengahan kurun ke 12 Hijrah. Kemunculannya menimbulkan reaksi berbeza antara penyokong dan penentang. Di pihak yang menyokong, Muhammad diketengahkan sebagai seorang tokoh *mujaddid* yang berusaha membersihkan pemikiran dan amalan umat Islam daripada elemen-elemen syirik, bidaah dan khurafat yang membelenggu negeri-negeri Islam pada waktu itu. Beliau dilihat sebagai satu-satunya tokoh yang berusaha menyedarkan semula umat Islam daripada terus hanyut dalam kesesatan yang menjadi faktor utama kelemahan dan kemunduran. Atas rasa tanggungjawab, seluruh hidupnya digunakan untuk mengajak umat Islam kembali semula bertuankan generasi salaf dalam urusan agama dan kehidupan. Tujuannya agar segala bentuk pemikiran dan amalan umat Islam kembali bersih daripada sebarang anasir-anasir asing yang menyimpang daripada ajaran Islam yang tulen.

Manakala di pihak penentang pula, kemunculannya dilihat telah membawa satu implikasi negatif kepada umat Islam. Muhammad dilihat sebagai seorang tokoh pelampau yang cuba menghidupkan pemikiran *hasyawiyyah* dalam perkara ketuhanan dan pemikiran *khawarij* dalam isu takfir yang pernah ditentang oleh majoriti ulama Islam sebelumnya. Beliau diketengahkan sebagai seorang tokoh yang fanatik dengan pandangan sendiri sehinggakan pandangan ulama yang tidak selari dengannya dikatakan sesat dan bercanggah dengan nas al-Quran dan al-Sunnah.

Walau bagaimanapun, sikap dan seruan dakwahnya telah melahirkan konflik intelektual dan situasi tidak harmoni dengan kebanyakan ulama sezaman dan selepasnya. Konflik intelektual merujuk kepada perdebatan ilmiah antara kedua-dua pihak sama ada secara lisan atau tulisan dalam proses mempertahankan pandangan sendiri dan memperlihatkan kepincangan pandangan pihak lawan. Manakala suasana tidak harmoni pula berlaku apabila wujudnya sikap

fanatik terhadap pandangan sendiri dan adab-adab berselisih pandangan tidak diambilkira. Sikap fanatik terhadap pandangan sendiri dan tidak mengambilkira adab-adab berselisih pandangan sering dikaitkan dengan Muhammad oleh sebilangan penulis yang secara khususnya terdiri dari kalangan mereka yang tidak merestui pandangan dan perjuangannya, seolah-olah Muhammad menyumbang kepada pembudayaan sikap tidak berhati-hati dalam meletakkan sifat bidaah, sesat, syirik dan kufur bagi sesuatu perbuatan yang pada pandangan ulama lain belum mencapai status tersebut. Antara dakwaan paling ketara yang dikaitkan dengan Muhammad adalah isu meletakkan hukum kafir kepada mereka yang tidak merestui pandangan dan perjuangannya. Justeru itu, artikel ini menyingkap sejauh mana kebenaran dakwaan ini menepati realiti sebenar sikap seorang tokoh yang berpengaruh dalam masyarakat Islam.

### **Tauhid Menurut Muhammad Abd al-Wahhab**

Tauhid adalah satu perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja *wahhada*. Ia bermaksud menyatukan, mengesakan atau menjadikan sesuatu itu satu. Dari segi istilah pula, selain dirujuk kepada satu disiplin ilmu, didefinisikan sebagai perbuatan mengemukakan ibadat hanya kepada Allah, yakin hanya Allah yang layak disembah dan tidak meragui sifat keesaan Allah dari aspek zat, sifat dan *af'alnya* (al-Syanqiti 1994). Tauhid dijelaskan oleh Muhammad (1999) sebagai tonggak utama bagi semua agama samawi. Ia merupakan perintah Allah yang paling utama perlu dilaksanakan. Seseorang masih tidak dikira muslim jika tauhid dan tuntutan tauhid masih belum ditunaikan. Sebarang perlakuan yang bertentangan dengan tuntutan tauhid pula sama ada perbuatan hati, lidah dan anggota zahir akan menyebabkan seseorang itu terkeluar dari Islam. Tauhid adalah pemisah antara Islam dan kufur yang menjadi lawan kepada syirik. Ukuran sama ada seseorang itu Islam atau tidaknya bergantung kepada sejauh mana tauhid dijaga dan dipertahankan dengan cara tidak dicampuri dengan perbuatan-perbuatan syirik (Muhammad 1999).

Menurut Muhammad (1999), golongan musyrikin Mekah juga mentauhidkan Allah s.w.t. tetapi menerusi jenis tauhid yang tidak memasukkan mereka ke dalam agama Islam. Dengan merujuk kepada sebilangan ayat al-Quran, beliau menjelaskan bahawa golongan musyrikin mentauhidkan rububiyah Allah s.w.t. Mereka yakin bahawa yang mencipta alam, menurunkan rezeki, menghidupkan, mematikan, mentadbir alam, memiliki dan menguasai seluruh makhluk hanya Allah s.w.t. Walau bagaimanapun, dengan hanya mentauhidkan Allah pada sifat-sifat rububiyah, mereka masih dikira golongan musyrikin yang kufur kepada Allah s.w.t. Ini kerana matlamat sebenar perutusan para rasul bukan menyeru manusia kepada tauhid jenis ini, kerana ia telah sedia tersemat dalam fitrah semua manusia.

Matlamat utama perutusan para rasul adalah menyeru manusia melaksanakan tuntutan tauhid ibadat yang sedia terkandung dalam kalimah tauhid. Kewajipan berikrar dengan kalimah ini menuntut agar tidak melakukan ibadat kecuali kepada Allah s.w.t.. Ibadat menurut tafsiran Muhammad adalah sebarang perbuatan yang disuruh oleh Allah s.w.t. sama ada perbuatan hati, lidah dan anggota. Ia disimpulkan dengan maksud yang merujuk kepada sebarang bentuk ketaatan kepada Allah sama ada dalam bentuk melaksanakan suruhan

atau meninggalkan larangan (al-Najdi 1995). Kesimpulan ini berasaskan kepada definisi ibadat oleh Ibn Taymiyyah yang menegaskan bahawa ibadat adalah satu istilah yang dipadankan kepada sebarang perbuatan makhluk yang disukai dan direndhai oleh Allah s.w.t. sama ada perbuatan lidah, perbuatan anggota zahir dan perbuatan hati. Maka setiap perbuatan yang diperintahkanNya seperti solat, puasa, zakat, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada ibu bapa, menunaikan janji, menyintai Allah dan Rasul, taubat, ikhlas, takut, sabar, syukur, tawakal, bergantung harapan dan sebagainya adalah ibadat yang mesti ditujukan hanya kepada Allah s.w.t. (Muhammad, 1999).

Melihat kepada definisi ibadat ini, maka Muhammad (1999) menegaskan bahawa perbuatan seperti doa, meminta tolong, sembelihan korban, nazar, rasa takut (*khawf*), *raja'*, tawakal, *inabah*, *mahabbah*, *khasyyah*, *raghbah*, *rahbah*, *ta'alluh*, rukuk, sujud, khushyuk, *tazallul*, *ta'zim* jika dihadapkan kepada makhluk Allah s.w.t. sekalipun mereka adalah kumpulan atau individu yang hampir dengan Allah s.w.t. akan membatalkan tauhid ibadat. Pelakunya pula akan jatuh ke dalam kesalahan syirik akbar yang menyebabkannya terkeluar daripada Islam.

Dapat disimpulkan bahawa tauhid ibadat yang dikemukakan oleh Muhammad dan istilah tauhid uluhiyyah yang digunakan pengikutnya adalah merujuk kepada segala usaha mengesakan segala bentuk ibadat seperti bergantung harapan, doa, memohon pertolongan, takut, tawakkal dan sebagainya hanya kepada Allah s.w.t.. Manakala tauhid rububiyah pula merujuk kepada usaha mengesakan segala perbuatan Allah seperti mencipta, memberi rezeki, menghidupkan, mematikan, menurunkan hujan, menumbuhkan tanaman dan mentadbir segala urusan alam hanya untuk Allah s.w.t. (Muhammad 1999).

Dengan melaksanakan tuntutan tauhid rububiyah tanpa disertai dengan tauhid ibadat tidak akan melepaskan seseorang daripada belenggu syirik yang ditentang oleh para rasul a.s.. Walaupun tauhid rububiyah menurut pandangannya adalah benar dan perlu dilaksanakan tetapi dengan hanya mengiktiraf tauhid jenis ini masih tidak melayakkan seseorang itu digolongkan sebagai seorang Islam. Buktinya keseluruhan golongan musyrikin Mekah telah mengiktiraf tauhid ini tetapi mereka masih diperangi oleh Rasulullah s.a.w. dan dikira sebagai musyrikin (Muhammad 1994) Ini bermakna tauhid ibadat tidak akan terlaksana melainkan tuntutan tauhid rububiyah dipenuhi. Dalam kata lain, tauhid ibadat akan melazimkan tauhid rububiyah, manakala tauhid rububiyah tidak melazimkan tauhid ibadat. Dengan melaksanakan tuntutan tauhid ibadat bererti seseorang itu telah melaksanakan kedua-dua tuntutan tauhid ini dan tergolong dalam kalangan orang Islam. Muhammad menegaskan bahawa sesiapa yang melaksanakan tauhid ibadat sebenarnya telah melaksanakan tauhid rububiyah kerana tauhid ibadat sebenarnya mengandungi tauhid rububiyah dan ia juga adalah natijah kepada tauhid rububiyah (Soleh 1413H).

### **Syirik Menurut Muhammad bin Abd al-Wahhab**

Muhammad (1999) mengetengahkan syirik sebagai lawan kepada tauhid. Menerusi pembahagian tauhid kepada tauhid rububiyah dan tauhid ibadat maka syirik juga boleh dibahagikan kepada syirik pada rububiyah dan syirik pada ibadat walaupun tidak terdapat pembahagian sebegini secara jelas dalam

penulisannya. Kebiasaannya penulisan Muhammad hanya memberi penekanan kepada syirik dalam aspek ibadat seolah-olah syirik dalam aspek rububiyah jarang berlaku dalam kehidupan manusia. Pandangan sebegini dapat diteliti menerusi kenyataannya bahawa keseluruhan manusia bahkan golongan musyrikin Mekah juga turut sama berikrar dan mengiktiraf tauhid rububiyah. Justeru penekanan dakwahnya kebanyakan dijuruskan kepada pembasmian syirik dalam aspek ibadat sahaja sekalipun beliau tidak mengingkari kewajipan mengakui tauhid rububiyah Allah dengan sepenuh hati (Muhammad Abd Allah t.th.). Penekanan kepada aspek ibadat, membuatnya mendefinisikan syirik sebagai memohon sesuatu hajat kepada selain Allah atau mempersembahkan apa-apa ibadat. Sebagai aplikasi daripada definisi ini, Muhammad melihat sesiapa yang melakukan apa sahaja jenis ibadat kepada selain Allah bererti dia telah menganggapnya sebagai tuhan. Secara tidak langsung dia telah melakukan syirik iaitu dalam kategori syirik akbar kepada Allah s.w.t. (Ahmad 1994; Soleh 1413H).

Lanjutan daripada itu, Muhammad berpendapat bahawa sebarang perbuatan yang menyebabkan syirik pada ibadat akan membatalkan ikrar kalimah syahadah seseorang. Ini kerana syirik ibadat berlawanan dengan makna dan tuntutan kalimah tauhid. Justeru itu, beliau meletakkan pengamalannya pada kedudukan yang setaraf dengan golongan musyrikin Mekah yang mentauhidkan rububiyah Allah tetapi masih memohon hajat kepada berhala, malaikat, nabi dan orang-orang soleh yang dianggap sebagai rakan kongsi Allah dan sama-sama mempunyai hak membuat keputusan. Oleh kerana tidak bergantung harap sepenuhnya kepada Allah, mereka dirangkum sama dalam golongan musyrikin. Justeru itu, Muhammad menyimpulkan bahawa orang Islam yang bergantung harap kepada nabi dan orang soleh dalam usaha mendapatkan syafaat mereka adalah sama dengan golongan musyrikin Mekah yang menyembah berhala (Ahmad, 1994).

Bertitik tolak daripada pemahaman terhadap konsep tauhid ibadat, Muhammad (1999) meletakkan sepuluh perkara yang boleh membuatkan seseorang menjadi murtad dari agama Islam yang mesti ditakfirkan. Perkara-perkara tersebut adalah ibadat kepada selain Allah s.w.t., menggunakan pengantara antara Allah dan hamba, tidak mengkafirkan golongan musyrikin atau ragu-ragu pada kekufuran mereka atau membenarkan pandangan kufur mereka, beriktikad bahawa ajaran (*huda*) lain lebih sempurna daripada ajaran Rasulullah s.a.w. atau peraturan lain lebih sempurna daripada peraturan yang dianjurkan Baginda, benci terhadap ajaran Rasulullah s.a.w. walaupun masih melaksanakannya, mempermainkan (*istihza'*) tuntutan agama atau pahala dan balasannya, melakukan sihir atau redha dengan perbuatan sihir, membantu musyrikin menguasai umat Islam, beranggapan ada manusia yang harus tidak terikat dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana nabi Khidir a.s. tidak terikat dengan syariat nabi Musa a.s. dan berpaling daripada agama Allah dengan tidak mempelajarinya dan mengamalkannya. Sekiranya seorang Islam melakukan salah satu daripada sepuluh perkara ini, Islamnya akan terbatal melainkan ianya dilakukan dalam keadaan terpaksa untuk menjaga nyawa.

Muhammad membahagikan syirik kepada dua kategori iaitu syirik akbar dan syirik asghar. Syirik akbar adalah perbuatan syirik yang boleh menyebabkan seseorang muslim murtad dari Islam. Manakala syirik asghar pula adalah perbuatan syirik yang belum sampai ke tahap murtad (Soleh 1413H). Antara

contoh perbuatan syirik akbar yang dikemukakan oleh Muhammad adalah seperti memohon sesuatu hajat kepada mereka yang sudah mati dan bernazar untuk mereka dengan harapan mereka akan dapat membantunya di hadapan Allah s.w.t.. Manakala syirik asghar pula adalah seperti perbuatan *riya'*, bersumpah atas nama selain Allah, mengungkapkan kata-kata seperti “Ini datangnya daripada kamu dan juga Allah”, “Aku bertawakal kepada kamu dan kepada Allah”, “Jika tidak kerana kamu, ini tak akan berlaku” dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Muhammad juga menyatakan bahawa perbuatan-perbuatan ini ada kalanya akan membawa kepada syirik akbar, bergantung pada keadaan dan niat pengamalnya (Soleh 1413H).

Untuk memperlihatkan apa sebenarnya syirik akbar dan syirik asghar sebagaimana yang dikemukakan oleh Muhammad, <sup>c</sup>Abd Rahman (t.th.) menjelaskan bahawa syirik akbar adalah mengemukakan sebarang amalan yang dituntut oleh syarak sama ada berbentuk keyakinan hati, kata-kata atau perbuatan kepada selain Allah s.w.t. atau mengemukakan sebarang jenis ibadat yang dituntut oleh syarak kepada selain Allah s.w.t.. Manakala syirik asghar pula adalah setiap perbuatan yang tidak mencapai status ibadat sama ada dalam bentuk kehendak hati, kata-kata atau perbuatan anggota zahir tetapi boleh menjadi wasilah kepada syirik akbar.

Dengan mendalilkan ayat al-Quran, Muhammad (1999) menggariskan 17 jenis perbuatan yang dikira sebagai ibadat. Seseorang muslim akan jatuh ke dalam syirik akbar sekiranya salah satu perbuatan ini dikemukakan kepada selain Allah iaitu doa, meminta tolong (*isti'anah*), meminta tolong ketika kesusahan (*istighathah*), menyembelih binatang korban, nazar, meletakkan rasa takut (*khawf*), meletakkan harapan (*raja'*), tawakkal, *inabah*, meletakkan rasa cinta, meletakkan rasa takut (*khasyyah*), *raghbah*, *rahbah*, *ta'alluh*, ruku', sujud, *khusyu'*, *tadhallul* dan takzim.

## **Isu Takfir dan Kaitannya dengan Muhammad Abd al-Wahhab**

Muhammad dan pengikutnya sering dikaitkan dengan sikap melampau dalam isu takfir dan menghalalkan pembunuhan mereka yang masih Islam. Isu ini merupakan isu terbesar yang dikaitkan dengan beliau dan pengikutnya berbanding dengan isu-isu lain. Tokoh-tokoh penentang sezaman dengan beliau secara keseluruhannya terdiri daripada para ulama tradisional yang mendukung fahaman Ahl al-Sunnah menerusi aliran Asya'irah, Maturidiyyah dan tasawuf sunni mengaitkan isu ini dengan beliau. Selain itu, ia turut diakui oleh beberapa ulama aliran salafiyah yang bersetuju dengan dakwahnya (Abd 'Aziz 1989). Pada tafsiran penentang, beliau diketengahkan sebagai seorang tokoh yang mudah meletakkan hukum kafir, syirik dan murtad kepada umat Islam lebih-lebih lagi kepada mereka yang tidak bersetuju dengan perjuangannya semata-mata berasaskan kepada pemahaman sendiri terhadap makna tauhid dan syirik tanpa mengambilkira pandangan dan batasan-batasan tertentu yang digariskan oleh ulama-ulama lain (Sulayman al-Najdi, 1987). Muhammad dilihat telah melakukan pelbagai jenis dan peringkat takfir sama ada takfir secara *mutlaq* yang merujuk kepada kata-kata dan perbuatan mahupun takfir secara *mu'ayyan* yang menjurus kepada tubuh badan individu tertentu. Selain itu beliau juga dilihat telah melakukan takfir di peringkat individu dan masyarakat malah sampai ke

peringkat negara. Begitu juga beliau mentakfirkan sesiapa sahaja yang tidak sama-sama mentakfirkan mana-mana individu dan masyarakat atau negara yang telah ditakfirkan atas alasan mereka tidak mengkafirkan orang yang sudah kafir (Sulayman al-Najdi, 1987). Selain itu, Muhammad turut disebut mentakfirkan individu yang telah mati selain daripada mereka yang masih hidup (Ahmad Zayn 2001). Situasi ini menunjukkan seolah-olah beliau dan pengikut-pengikutnya sahaja yang masih kekal dalam agama Islam, memahami konsep tauhid dan melaksanakan tuntutan-tuntutannya.

Hukuman kafir yang dikenakan kepada individu atau masyarakat tertentu melahirkan implikasi halal darah dan harus membunuh mereka yang dihukum kafir. Dalam konteks ini, Muhammad bukan sahaja dikaitkan dengan isu takfir malah dikaitkan juga dengan isu menghalalkan darah dan pembunuhan mereka yang masih Islam pada pandangan majoriti ulama Islam. Kedua-dua isu ini bukan sahaja direkodkan oleh pihak musuh dan sebilangan ulama yang bersetuju dengan gerakannya malah ia turut disebut oleh Muhammad sendiri. Beliau menyatakan bahawa antara perkara yang ditentang oleh para ulama yang sama pandangan dengannya dalam perkara tauhid dan syirik adalah masalah takfir dan memerangi umat Islam yang dianggap kafir. Beliau pelik dengan sebilangan ulama ini dan mencari alasan kenapa mereka tidak merestuinnya dalam masalah takfir dan pembunuhan orang yang kafir sedangkan mereka sama-sama berpandangan perlu menyeru manusia kepada tauhid (Abd 'Aziz 1989).

Kaitan Muhammad dengan isu takfir ini dikemukakan oleh kebanyakan ulama yang hidup pada zamannya sama ada ulama yang bermazhab Hanbali yang menggunakan pendekatan *al-athariyyah* dalam memahami akidah Islam atau ulama tiga mazhab lain yang menggunakan pendekatan *ahl al-kalam al-sunni* menerusi aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Antara tokoh ulama yang mengaitkan isu ini dengan Muhammad bin 'Abd al-Wahhab dan pengikutnya ialah Sulayman bin Sahim al-Hanbali (m. 1181H), Muhammad Ibn 'Afaliq al-Hanbali (1163H), Sulayman bin 'Abd al-Wahhab al-Hanbali (m. 1208), Muhammad bin 'Abd Allah Ibn Fayruz al-'Ahsa'i al-Hanbali (m. 1216H), Muhammad bin 'Ali al-Fawdi al-Hanbali (m. 1246H), Muhammad bin 'Abd Allah bin Hamid al-Hanbali (m. 1290), 'Abd Allah bin Muways (m. 1175H), 'Abd Allah bin Ahmad bin Sahim (m. 1175H), 'Abd Allah bin Muhammad bin 'Abd al-Latif al-'Ahsa'i (gurunya), 'Uthman bin Mansur al-Nasiri (m. 1282H), 'Uthman bin Sanad al-Basri (m. 1250H), Muhammad bin Sulayman al-Kurdi (m. 1194H) (gurunya), Marbad bin Ahmad al-Tamimi (m. 1171H), Sayf bin Ahmad al-'Atiqi (m. 1189H), Soleh bin 'Abd Allah al-Sa'igh (m. 1183H), Ahmad bin 'Ali al-Qubbani, 'Abd Allah bin Dawud al-Zubayri (m. 1225H), 'Alawi bin Ahmad al-Haddad (m. 1232H), 'Umar bin Qasim al-Tunisi, Muhammad bin 'Abd Allah bin Kiram al-Maghribi (m. 1227H), 'Abd al-'Aziz bin 'Abd al-Rahman bin 'Adwan (m. 1179H), Hasan bin 'Umar al-Syata (m.1274H), Muhammad bin 'Ali Syawkani (m. 1250H), Dawud bin Sulayman, Husayn bin Ghinam al-Yamani, 'Abd Allah bin 'Isa bin Muhammad al-San'ani, Muhammad bin Isma'il al-San'ani dan sebagainya (Siddiq bin Hasan al-Qannuji 1889).

## **Pandangan Tokoh Ulama Tentang Sikap Muhammad Abd al-Wahhab dalam Isu Takfir**

Terdapat beberapa contoh pandangan ulama-ulama sezaman dengan Muhammad Abd al-Wahhab yang mengaitkan beliau dengan isu takfir dan mengalakkan darah umat Islam.

Ibn 'Afalik berkata ketika menjawab surat Ibn Mu'ammār,

Lelaki ini (Muhammad Abd al-Wahhab) telah mengkafirkan umat Islam. Demi Allah, bahkan dia telah mendustakan rasul-rasul Allah. Dia menghukum syirik ke atas mereka dan umat-umat mereka. Atas nama Allah dia (Muhammad Abd al-Wahhab) bersumpah bahawa keadaan golongan musyrikin lebih baik dari ummat ini.

(Abd 'Aziz 1989)

Ahmad bin 'Ali al-Qubbani pula berkata,

Dia (Muhammad Abd al-Wahhab dan pengikutnya) telah mengkafirkan umat ini semuanya dan dia mengkafirkan semua orang yang tidak sependangan dengan kesesatan dan kekufurannya ... semua nabi dan rasul lain akan datang bersama ribuan umatnya, tetapi Nabi yang mulia (nabi Muhammad) tiada bersamanya melainkan satu bilangan umat yang kecil yang terdiri daripada penduduk 'Uyaynah sahaja. Adapun umatnya yang lain, semuanya kekal dalam neraka bersama-sama golongan kuffar sedangkan mereka banyak melakukan ketaatan dan ibadat.

(Abd 'Aziz 1989)

Sulayman Ibn Sahim al-Hanbali pula berkata,

Sesiapa yang tidak setuju dengan pandangannya (Muhammad bin Abd al-Wahhab) pada setiap apa yang ia tuturkan dan tidak naik saksi atas kebenarannya, dia (Muhammad Abd al-Wahhab) pasti akan menghukum kufurnya. Manakala sesiapa yang setuju dengan setiap pandangannya, dia akan berkata, kamu adalah muwahhid sekalipun dia di kalangan orang yang fasik.

(Abd 'Aziz 1989)

'Uthman bin Mansur al-Hanbali al-Najdi pula berkata,

Allah telah menguji penduduk Najd begitu juga penduduk semenanjung tanah Arab dengan keluarnya orang yang melakukan takfir umat ini sama ada ke atas orang awam ataupun ulama dengan alasan rapuh yang sama sekali tidak dibenarkan oleh Allah s.w.t. Lelaki ini ((Muhammad Abd al-Wahhab) telah menjadikan ketaatan kepadanya sebagai rukun yang keenam daripada rukun Islam.

(Abd 'Aziz 1989)

Sulayman bin 'Abd Wahhab al-Hanbali saudara Muhammad bin 'Abd al-Wahhab pula berkata,

Berapakah rukun Islam di sisimu wahai Muhammad bin 'Abd al-Wahhab. Dia (Muhammad bin 'Abd al-Wahhab) menjawab, lima. Syaykh Sulayman menambah, tetapi kamu menjadikannya enam. Rukun keenam ialah, sesiapa yang tidak mengikut kamu maka dia bukan Islam. Inilah rukun Islam keenam di sisi mu.

(al-Dahlan 2001)

Alawi bin Ahmad al-Haddad al-Hadrami pula berkata,

Apabila seseorang mahu masuk ke dalam agamanya (Muhammad bin 'Abd al-Wahhab), dia akan berkata kepadanya, "Hendaklah kamu naik saksi bahawa kamu sebelum ini adalah kafir, begitu juga ibu dan bapamu semuanya mati dalam kufur dan naik saksi bahawa si fulan bin si fulan adalah kafir. Jika diungkapkan begitu maka dia akan diterima dan jika tidak dia akan dibunuh ... Wahai al-Najdi bagaimana kamu masih lagi tidak cukup mentakfirkan mereka yang masih hidup sebagai musyrikin, sehingga kamu kenakan hukum yang sama ke atas orang muslimin yang telah lama meninggal dan kamu kata mereka adalah orang yang sesat dan menyesatkan. Sampai ke peringkat kamu tentukan hukum kufur kepada individu-individu tertentu di kalangan tokoh-tokoh ulama yang muhaqqiqin dan imam-imam yang solihin.

(Abd 'Aziz 165)

Menerusi surat yang dikirim kepada Muhammad bin 'Abd al-Wahhab, gurunya Muhammad bin Sulayman al-Kurdi berkata,

Wahai Ibn 'Abd al-Wahhab, sesungguhnya aku menasihati mu kerana Allah s.w.t. agar engkau menahan lidahmu dari mentakfirkan umat Islam. Jika kamu mendengar dari seseorang yang meminta tolong beriktikad bahawa yang diminta tolong berkuasa memberi bekas selain dari Allah maka hendaklah kamu mengajarnya (perkara yang sebenar). Jelaskan kepadanya dalil-dalil yang menunjukkan bahawa selain dari Allah tidak boleh memberi bekas. Sekiranya dia ingkar, maka hendaklah kamu takfirkan dia sahaja. Tiada jalan bagi mu mentakfirkan seluruh umat Islam. Nisbah kekufuran kepada mereka yang lari dari jananan jumbuh lebih hampir berbanding dengan mereka yang menuruti jalan Islam.

(Ahmad Zayn al-Dahlan 2001, 55)

Keseluruhan kata-kata di atas adalah kata-kata ulama yang tidak merestui dakwah yang diperjuangkan oleh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab. Namun terdapat juga sebilangan ulama yang merestui perjuangannya yang pada pendapat mereka Muhammad cuba menyeru kepada pemikiran Islam tulen yang pernah diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah pada kurun ke-8 H. Sebagai contoh, al-Syawkani (t.th.) yang menyatakan,

Akan tetapi kumpulan ini berpandangan sesiapa yang tidak tunduk kepada Raja Najd, tidak melaksanakan perintahnya adalah orang yang terkeluar daripada Islam.

Siddiq (1989) merakamkan celaan Mansur al-Khazami kepada Muhammad bin dan kumpulannya dalam dua perkara iaitu takfir umat Islam semata-mata berasaskan tanggapan yang tidak benar dan sanggup membunuh tanpa ada hujah dan bukti yang jelas. Selain itu, beliau turut merakamkan kritikan Daud bin Sulayman, Husayn bin Ghinam al-Yamani, 'Abd Allah bin 'Isa bin Muhammad al-San'ani menerusi karyanya yang berjudul *al-Sayf al-Hindi Fi Ibanah al-Tariqah al-Syaykh al-Najdi* ke atas Muhammad bin 'Abd al-Wahhab dalam perkara takfir dan menghalalkan darah umat Islam. Turut dijelaskan bahawa pada tahun 1170 H pengarang *al-Subul al-Salam* Syaykh Muhammad bin Isma'il al-San'ani menarik semula pujian-pujian kepada Muhammad dan berlepas diri daripada dikaitkan dengan beliau setelah sikap sebenarnya diketahui melalui al-Syaykh Marbad bin Ahmad al-Tamimi iaitu murid kepada Muhammad.

## **Penelitian Penafian Muhammad bin ‘Abd al-Wahhab Terhadap Kaitannya dengan Isu Takfir**

Walau bagaimanapun, Muhammad menafikan tuduhan perbuatan takfir dan menghalalkan darah umat Islam yang dikaitkan dengannya. Penafian ini dapat dilihat daripada beberapa pucuk surat yang diutuskan kepada individu dan masyarakat tertentu pada zamannya. Menerusi surat yang dikirim kepada Muhammad bin ‘Ayd seorang penguasa Tharmada’, beliau menafikan melakukan takfir ke atas mana-mana orang jahil yang belum memperoleh penjelasan lengkap terhadap perbuatan syirik yang dilakukan. Menerusi surat yang dikirim kepada penduduk al-Qasim pula, beliau menafikan kata-kata yang dikaitkan dengannya bahawa umat Islam selama 600 tahun sebelumnya hidup tanpa agama, mentakfirkan orang yang bertawassul dengan orang soleh, mentakfirkan al-Busayri dan orang yang bersumpah atas nama selain Allah. Menerusi suratnya kepada Tuwayjari pula, beliau menjelaskan keyakinannya terhadap keislaman seseorang yang masih mengamalkan tuntutan tauhid dan berlepas diri dari syirik dan ahlinya walau di mana sahaja dia berada. Menerusi surat ini juga beliau menjelaskan bahawa takfir yang dilakukan hanya ditujukan kepada golongan yang melakukan syirik pada *uluhiyyah* Allah setelah kebatilan syirik dijelaskan dan dapat difahami (Abd ‘Aziz 1989; ‘Abd al-Rahman 1995). Menerusi surat kepada penduduk Riyad dan Manfuhah pula, beliau menegaskan bahawa beliau hanya mentakfirkan golongan kafir dan musyrik sahaja dan tidak pernah mentakfirkan orang Islam (Abd ‘Aziz 1989).

Surat-surat ini secara tidak langsung memperlihatkan sikapnya yang tidak bersetuju dikaitkan dengan isu takfir dan melihatnya sebagai satu pembohongan yang tidak mempunyai sandaran. Namun, beberapa kenyataan Muhamaad yang sedia terakam dalam karya-karya dan surat-surat tulisannya bahawa dia hanya mengkafirkan golongan kafir dan musyrik, berdoa kepada selain Allah adalah kafir kerana doa itu adalah ibadat, wajib mentakfirkan golongan kafir dan sesiapa yang tidak mentakfirkan golongan ini akan menjadi kafir dapat memperlihatkan kewajaran isu ini dikaitkan dengan beliau. Justeru, jika diperhatikan *Kasyf al-Syubahat* yang disusun untuk menjawab persoalan-persoalan yang menjadi perselisihan antara beliau dengan ulama lain, sering kali lafaz musyrikin digunakan untuk dirujuk kepada lawannya manakala kumpulannya pula dirujuk dengan istilah *muwahhidun* (Muhammad 1999).

Kaitan ini dapat dikuatkan lagi menerusi pandangan beliau yang melihat orang-orang musyrikin Mekah dahulu lebih baik dan lebih memahami erti tauhid daripada musuh-musuhnya yang secara keseluruhannya adalah para ulama yang tidak merestui dakwahnya. Pada pandangan Muhammad, musuh-musuhnya lebih kufur daripada muysrikin Mekah. Ini kerana golongan musyrikin Mekah hanya bergantung dan memohon hajat kepada selain Allah ketika aman sahaja manakala musuh-musuhnya bukan sahaja memohon hajat kepada selain Allah ketika senang malah ia dilakukan juga dalam suasana getir (Muhammad 1999).

## Rujukan

- Muhammad bin 'Abd al-Wahhab, 1999, *al-Risalah al-Thalithah*, Dlm. (t.pnyt.), *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Abd 'Aziz bin Muhammad, 1989, *Da'awa al-Munawi'in Li Da'wah Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab*, Riyad: Dar al-Tayyibah.
- Ahmad bin 'Abd al-Karim Najib, 1994, *Fasl al-Khitab Fi Bayan 'Aqidah Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab*, cetak ulang, Kaherah: Maktabah al-Tabi'in.
- Ahmad Zayn al-Dahlan, 2001, *al-Durar al-Suniyyah Fi Radd 'Ala al-Wahabiyyah*, t.tp. al-Ma'had al-'Ali Li al-Tafaquh Fi al-Din.
- 'Abd al-Rahman bin Hasan bin Muhammad bin 'Abd al-Wahhab, 1994, *Fath al-Majid Syarh Kitab al-Tawhid*, cetak ulang, Beirut: Maktabah al-Bayan.
- 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Najdi, 1995, *al-Durar al-Saniyyah Fi al-Ajwibah al-Najdiyyah*, cetak ulang, t.tp.:t.pt.
- 'Abd Rahman bin Nasir al-Sa'di, t.th., *al-Qawl al-Sadid Syarh Kitab al-Tawhid*, t.tp.:t.pt.
- Hasan bin Farhan al-Maliki, 2004, *Da'iyah Laysa Nabiyyan*, Jordan: Dar al-Razi,
- Muhammad Abd al-Wahhab (1999), *al-Risalah al-Khamisah*, Dlm. (t.pnyt.), *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Muhammad Abd al-Wahhab, 1999, *Kasyf al-Syubahat*, Dlm. (t.pnyt.), *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Muhammad Abd al-Wahhab, 1999, *al-Risalah al-Tasi'ah*, dalam Dlm. (t.pnyt.), *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Muhammad bin Abd Allah bin Sulayman, t.th., *Da'wah al-Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab Wa Atharuha Fi 'Alam al-Islami*, t.tp.: t.pt.
- Muhammad bin 'Abd al-Wahhab, 1999, *al-Risalah al-Thalithah*, Dlm. (t.pnyt.), *Majmu'ah al-Tawhid al-Najdiyyah*, Riyad: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.
- Muhammad bin 'Ali al-Syawkani, t.th., *Badr al-Tali' Bi Mahasin Man Ba'da Qarn al-Sabi'*, Kaherah: Matba'ah al-Sa'adah.
- Soleh bin Abd Allah al-'Abud, 1413H, *'Aqidah Syaykh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab al-Salafiyyah Wa Atharuha Fi al-'Alam al-Islami*, t.tp.: t.pt.
- Siddiq bin Hasan al-Qannuji, 1989, *Abjad al-'Ulum al-Wasyi al-Marqum Fi Bayan Ahwal al-'Ulum*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Sulayman bin 'Abd al-Wahhab al-Najdi, 1987, *al-Sawa'iq al-Ilahiyyah*, Kaherah: Dar al-Insan.

Syaykh Muhammad al-Khidr al-Syanqiti, 1994, *Istihalah al-Ma'iyah bi al-Dhat*, Jordan: Dar al-Basyir.

---

ENGKU IBRAHIM ENGKU WOK  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.

ABDUL RAHMAN MAHMOOD, PhD  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor

SYED HADZRULLATHFI SYED OMAR, Ph.D  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.